CUEPACS Tak Tolak Ansur Penjawat Awam Buat Komen Jelik Terhadap Kerajaan

Oleh Nazdy Harun - April 23, 2025 @ 2:37pm

Presiden CUEPACS, Datuk Dr Adnan Mat (tiga kanan) beramah mesra bersama kakitangan awam pada Majlis Sambutan Syawal Ceria MADANI CUEPACS di Rembulan Event, Chendering hari ini. - BERNAMA

KUALA TERENGGANU: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) tidak akan bertolak-ansur dengan sebarang komen jelik yang dibuat kakitangan awam terhadap kerajaan.

Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat mengakui berdukacita dengan komen jelik dibuat penjawat awam itu termasuk yang menyasarkan majikan yang sememangnya menjadi sebahagian daripada pentadbiran kerajaan.

Beliau menegaskan, perkara itu tidak seharusnya berlaku memandangkan kerajaan sentiasa mendengar keluh kesah penjawat awam dan membuka ruang kepada mereka untuk menyuarakan ketidakpuasan hati.

"Kerajaan sentiasa terima pandangan, permintaan dan sebagainya, selain sebahagian permintaan kita sudah pun dipenuhi kerajaan.

"Ini (komen jelik terhadap majikan dan kerajaan) satu amalan yang tidak boleh diterima dan kita tidak bertolak ansur dalam hal ini.

"Ketika kita berada dalam proses rundingan Sistem Persaraan Perkhidmatan Awam (SSPA) terutama dalam fasa berikutnya, komen-komen jelik ini tidak patut berlaku," katanya ketika sidang media pada Majlis Sambutan Hari Raya, di Chendering, di sini, hari ini.

Tambah Adnan, CUEPACS menyokong sebarang tindakan disiplin diambil ketua perkhidmatan terhadap penjawat awam yang mengeluarkan komen jelik kepada kerajaan supaya penularan isu itu di media sosial tidak berterusan berlaku.

Setakat ini, pihaknya dimaklumkan hanya satu kes komen jelik berlaku di Kelantan yang dilakukan kakitangan awam.

"Mungkin persekitaran berbeza, tetapi sama ada kita berada di persekitaran macam mana sekalipun, sama ada kita ada dalam persekitaran politik berbeza sekalipun penjawat awam hendaklah terus kekal taat setia kepada majikan.

"Jika tidak puas hati salur kepada CUEPACS yang sentiasa mendengar keluh-kesah penjawat awam," katanya.